

TERMS & CONDITIONS FOR KFH GOLD ACCOUNT-i/JUNIOR GOLD ACCOUNT-i

Our gold account is an investment product and is not protected by PIDM.

1. Bai' As-Sarf and Qardh Contracts

- 1.1. KFH Gold Account-i/Junior Gold Account-i (“Account”) shall be operated based on the Islamic contracts of Bai’ As-Sarf and Qardh in the following manner: -
 - 1.1.1. under the Islamic contract of Bai’ As-Sarf, the Customer(s) will purchase such amount of gold (in gram) (hereinafter referred to as “the Gold”) at KFH Malaysia’s selling price from KFH Malaysia; and
 - 1.1.2. thereafter the purchased Gold and any amount of Gold to be subsequently purchased shall be placed into the Account based on Islamic contract of Qardh with KFH Malaysia as the debtor (Muqtaridh) and the Customer as the creditor (Muqridh); subject to the terms and conditions herein contained.

2. Operation of the KFH Gold Account-i/Junior Gold Account-i

- 2.1. Purchase of Gold by the Customer(s) from KFH Malaysia under the Account shall be effected upon debiting the Customer’(s) savings or current account (hereinafter referred to as “the Designated Account”) opened and maintained with KFH Malaysia and recorded in a transaction slip which shall be issued by KFH Malaysia to the Customer(s) upon purchase of Gold. The Transaction Slip specifies the amount of Gold purchase and the balance of the Account.
- 2.2. A statement of account will be provided to the Customer(s) in any method every month or such other period as may be determined by KFH Malaysia to the customer.
- 2.3. The Account balance stated in the statement and transaction slip represents Gold in gram having a minimum of 995.0 parts of fine gold per 1000 parts.
- 2.4. The Customer(s) declares that he/she/they has/have full legal capacity, rights, power and authority to enter into contracts for the purchase and sale of Gold.
- 2.5. The Customer(s) recognizes and acknowledges that the gold market is volatile and there is a possibility that he/she/they may incur losses. The Customer(s) confirms that the decision to open the Account is based on his own judgment and/or on independent advice obtained without relying on any material provided or advice given by KFH Malaysia or its representatives.
- 2.6. The Customer(s) agrees that KFH Malaysia shall have no responsibility or liability whatsoever to him for any depletion or diminution in the value of such Gold purchased by the Customer(s) under the Account. The Customer(s) understands and hereby agrees to bear any loss arising from a fluctuation in the price of Gold.
- 2.7. The opening, operation and closure of the Account will be entirely at the absolute discretion of KFH Malaysia, including KFH Malaysia’s right to refuse any application for the opening of an Account, or to refuse any purchase of Gold, or to freeze an Account fully or partially, or to refuse acceptance of any amount for account opening without assigning any reason(s) thereof and with notice to the Customer(s).
- 2.8. The Customer(s) must maintain a minimum balance of two (2) grams of Gold in the Account at all times.

2.9. The Customer(s) undertakes, acknowledges and agrees that: -

- 2.9.1. All details and particulars completed by the Customer(s) in the purchase order and the withdrawal/sale form shall be final and conclusive evidence as to the date and quantity of Gold purchased or sold by the Customer(s).
 - 2.9.2. The maximum amount/quantity of Gold that can be sold by the Customer(s) shall be limited to the actual balance of the Gold available in the Account and subject to the minimum quantity of Gold to be maintained as prescribed by KFH Malaysia in Clause 2.8 above.
 - 2.9.3. No physical Gold to be delivered to KFH Malaysia for opening/ placement into the Customer(s)'s Account and KFH Malaysia shall be entitled to reject such placements.
 - 2.9.4. Notwithstanding any provisions to the contrary and or any express or implied duty or obligation on KFH Malaysia's part, KFH Malaysia shall be entitled not to accept any instruction for sale or purchase of Gold and/or to quote any price in the period during which KFH Malaysia is unable to obtain quotation for Gold prices for any reason whatsoever.
 - 2.9.5. The Customer(s) shall be responsible for all taxes or levies payable on the Account or for the Gold purchased and/or sold under the Account (if any).
 - 2.9.6. The Account shall not be assignable or transferrable nor can the Gold in the Account be pledged or charged as security to any party other than to KFH Malaysia.
 - 2.9.7. The Customer(s) shall upon opening the Account simultaneously open and maintain the Designated Account for purpose of debiting the purchase price of Gold, or crediting the sale proceeds received from the sale of Gold.
 - 2.9.8. A statement of the Customer(s)'s Account will be sent on a monthly basis or any other period as KFH Malaysia may determine or will be made available upon request by the Customer(s).
- 2.10. The Customer(s) is requested to examine all entries in the statement and to report at once to KFH Malaysia, any error found therein.
- 2.11. If the Customer(s) did not within fourteen (14) days after the receipt of the statement object to any entry therein, the Customer(s) shall be deemed to have accepted the entries made up of the date of the last entry in the statement as true and correct.

3. Placements, Withdrawals and Closure of the KFH Gold Account-i/Junior Gold Account-i

3.1. Opening of KFH Gold Account-i/ Junior Gold Account-i and Designated Account

- 3.1.1. The opening of the Account shall be via KFH Malaysia's prescribed forms and subject to KFH Malaysia's requirements and such supporting documents acceptable to KFH Malaysia. KFH Malaysia may vary such requirements at any time and from time to time at its absolute discretion with notice to the Customer(s).
- 3.1.2. Upon opening of the Account, the Customer(s) shall simultaneously, [if the Customer(s) has yet to open any Designated Account with KFH Malaysia], open and maintain a Designated Account with KFH Malaysia subject to the term and conditions contained in the KFH Malaysia's General Terms and Conditions.
- 3.1.3. The Customer(s) hereby agrees and allows KFH Malaysia to link the Account with the Designated Account and authorises KFH Malaysia to debit the Designated Account for the purchase and sale of Gold or such other fees and/or charges as KFH Malaysia may incur under the Account.

3.2. Purchase of Gold

- 3.2.1. The Customer(s) may, on any Business Day and from time to time purchase from KFH Malaysia such amount of Gold by submitting a duly completed Application Form and/or Withdrawal and Transfer Slip, as the case may be, in such form as prescribed by KFH Malaysia from time to time to KFH Malaysia subject to the terms and conditions herein contained. Upon the acceptance of the Customer(s)'s Application Form or Withdrawal and Transfer Slip, as the case may be, KFH Malaysia shall forthwith record the purchase transaction in the transaction slip and thereafter in the monthly statement issued by KFH Malaysia, the quantity of Gold purchased and the price of Gold per gram at the time of its receipt of the Customer(s)'s Application Form or transaction slip, as the case may be.
- 3.2.2. The minimum initial purchase of Gold shall be not less than ten (10) grams of Gold for individual customers, five (5) grams of Gold for junior customers or fifty (50) grams of Gold for non-individual customers or some other quantity of Gold as may be determined by KFH Malaysia from time to time at its absolute discretion without assigning any reason therefore.
- 3.2.3. Thereafter, for each and subsequent purchase of Gold shall be for not less than one (1) gram of Gold (or other minimum quantity as determined by KFH Malaysia from time to time) and in multiples of one (1) gram of Gold (or other minimum multiple quantity as determined by KFH Malaysia from time to time).

3.3. Purchase Price

- 3.3.1. Subject to Clause 3.3.2 below, the purchase price per gram at which each purchase will be made by the Customer(s) shall be the selling price as quoted by KFH Malaysia to the Customer(s) upon placement of the purchase order. The selling price quoted shall be determined by KFH Malaysia at its sole and absolute discretion taking into account all factors KFH Malaysia shall deem

relevant including the prevailing world and local market conditions for Gold, the exchange rate between United States Dollar (USD) and Ringgit Malaysia (RM) and the Gold fineness.

- 3.3.2. The daily purchase and sale prices of Gold shall be displayed during the business hours at the branches of KFH Malaysia unless market conditions are volatile making it impractical for KFH Malaysia to quote or display the prices. In the event that there is no display price is available due the volatility of the market or in the situation where KFH Malaysia is only able to carry out the Customer(s)'s instruction on the next Business Day, the applicable price will be that the price determined by KFH Malaysia at its sole and absolute discretion.
- 3.3.3. The purchase price shall be quoted in Ringgit Malaysia and payment for the purchase price may be made in Ringgit Malaysia and other foreign currencies acceptable to KFH Malaysia.
- 3.3.4. The Customer(s) shall make full payment for any Gold purchased from KFH Malaysia by authorising KFH Malaysia to debit the Designated Account. The Customer(s) agrees that KFH Malaysia shall not be obliged to effect any purchase order if there are insufficient funds in the Customer(s)'s Designated Account.

3.4. Sale of Gold

- 3.4.1. The Customer(s) may instruct KFH Malaysia on any Business Day to sell the Gold maintained in the Account by completing the relevant withdrawal/sale form as prescribed by KFH Malaysia from time to time. Upon each sale, KFH Malaysia shall forthwith record in the transaction slip and thereafter in the monthly statement issued by KFH Malaysia, the quantity of Gold sold by the Customer(s) to KFH Malaysia.
- 3.4.2. The proceeds of the sale shall be paid to the Customer(s) on the same Business Day by crediting into the Customer's Designated Account or such other manner as determined by KFH Malaysia and agreed by the Customer(s) from time to time.
- 3.4.3. The Customer(s)'s written instruction to KFH Malaysia to sell as aforesaid shall be irrevocable once received by KFH Malaysia and shall be for not less than one (1) gram of Gold (or other minimum quantity as determined by KFH Malaysia from time to time) and in multiples of one (1) gram of Gold (or other minimum multiple quantity as determined by KFH Malaysia from time to time).
- 3.4.4. The Customer(s) is aware and shall ensure that at any time the Gold maintained in the Account shall not be lesser than two (2) grams as stated in Clause 2.8 above.
- 3.4.5. The Customer(s) shall ensure that any sale instruction shall be limited to the actual quantity of Gold in the Account, taking into the account that the minimum balance is to be maintained in the Account. In the event that there is insufficient Gold in the Account, KFH Malaysia shall have the right to refuse to effect the sale instruction.

3.5. Sale Price

Subject to Clause 3.3.2 above, each sale of Gold standing to the credit of the Account by the Customer(s) to KFH Malaysia shall be at the purchase price quoted by KFH Malaysia to the Customer at the relevant purchase transaction.

3.6. Request for Physical of Gold

- 3.6.1. Subject to the terms and conditions herein contained and provided always that the quantity of Gold standing to the credit of the Account is sufficient, the Customer(s) may withdraw any of physical Gold from the Account in the denomination of one (1), five (5), ten (10), twenty (20), fifty (50), one hundred (100) grams or such other denomination as may be determined by KFH Malaysia from time to time.
- 3.6.2. For the purpose of withdrawal, the physical Gold from the Account, the Customer(s) shall submit a duly completed and signed Placement/Withdrawal of Physical Gold Form to KFH Malaysia. A Placement/Withdrawal of Physical Gold Form, once issued by the Customer(s), save for manifest error, shall be final and conclusive.
- 3.6.3. Subject to Clause 3.6.1 above, the Customer(s) may request for inter-branch withdrawal of physical Gold from the Account provided that the maximum inter-branch withdrawal of physical Gold shall be not more than fifty (50) grams within three (3) months.
- 3.6.4. The Customer(s) agrees that he will collect the Gold from the designated branch of KFH Malaysia, on the date the Customer(s) submits the withdrawal form or on such other time and date as notified by KFH Malaysia subject to availability of Gold.
- 3.6.5. The Customer(s) further agrees that all risk of delivery of the physical Gold shall pass to the Customer(s) upon receipt of the Gold by the Customer(s).
- 3.6.6. In the event the Customer(s) fails or neglects to be present at the designated branch of KFH Malaysia on the collection date, the Customer(s) and KFH Malaysia agree that KFH Malaysia shall hold and store the Gold so withdrawn until the Customer(s) collects the physical Gold from KFH Malaysia.

3.7. Repurchase of Physical Gold or Reinvestment of Physical Gold

- 3.7.1. Notwithstanding any provision herein contained, the Customer(s) may resell to KFH Malaysia and KFH Malaysia may repurchase the physical Gold withdrawn from the Account at purchase price quoted by KFH Malaysia to the Customer subject to Clause 3.2 above and provided always that: -
 - 3.7.1.1. the packaging and security seal of the physical Gold remains intact; and
 - 3.7.1.2. the serial number and the barcode printed on the face of the packaging must match KFH Malaysia's records.
- 3.7.2. The minimum of repurchase of physical Gold is one (1) gram.
- 3.7.3. For the purpose of Clause 3.7.1 and Clause 3.7.2 above, the Customer(s) shall submit a duly completed and signed Placement/Withdrawal of Physical Gold

Form to KFH Malaysia. The proceeds from the sale of Gold under Clause 3.7.1 above shall be credited into the Customer's Designated Account.

- 3.7.4. If the Customer(s) wishes to reinvest the physical Gold previously withdrawn from the Account, then Clause 3.7.1, Clause 3.7.2, Clause 3.7.3, Clause 3.2 and Clause 3.3 shall be applicable. The minimum reinvestment of physical Gold shall be for not less than one (1) gram of Gold (or other minimum quantity as determined by KFH Malaysia from time to time) and in multiples of one (1) gram of Gold (or other minimum multiple quantity as determined by KFH Malaysia from time to time).
 - 3.7.5. In the event that the Customer(s) has closed the Account, the Customer(s) may resell the physical Gold withdrawn from the closed Account to KFH Malaysia provided always that the Gold security seal embossed/marked on is remain intact and the proceeds from the sale of Gold above shall be credited into the Customer(s)'s Designated Account or the Customer(s) may open a fresh Account subject to the terms and conditions herein contained.
- 3.8. Closure of KFH Gold Account-i/Junior Gold Account-i
- 3.8.1. The Account shall be deemed closed upon the withdrawal of all Gold available in the Account by the Customer(s) or by operational law.
 - 3.8.2. The closing of the Account pursuant to Clause 3.8.1 above shall be deemed as an act of terminating of the Qardh contract and neither KFH Malaysia nor the Customer(s) shall have any liability to the other save for any antecedent breaches under this Terms and Conditions.
 - 3.8.3. KFH Malaysia shall at any time, at its discretion prevent the Customer(s) from operating the Account, if KFH Malaysia suspects that the Account is being used for any illegal purpose or whatsoever.

TERMA DAN SYARAT KFH AKAUN EMAS-i/AKAUN EMAS JUNIOR-i

Akaun emas kami adalah produk pelaburan dan tidak dilindungi oleh PIDM.

1. Kontrak Bai' As-Sarf and Qardh

- 1.1. KFH Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i (“Akaun”) akan dikendalikan berdasarkan kontrak Bai' As-Sarf dan Qardh seperti yang berikut:-
 - 1.1.1. di bawah kontrak Bai' As-Sarf, Pelanggan akan membeli emas (dalam gram) (kemudian dari ini dirujuk sebagai “Emas”) pada harga jualan KFH Malaysia daripada KFH Malaysia; dan
 - 1.1.2. seterusnya Emas yang dibeli tersebut dan apa-apa jumlah Emas yang akan dibeli berikutnya akan ditempatkan ke dalam Akaun berdasarkan kontrak Qardh dengan KFH Malaysia sebagai penghutang (Muqtaridh) dan Pelanggan sebagai pemutang (Muqriddh); tertakluk kepada terma dan syarat terkandung dalam dokumen ini.

2. Operasi KFH Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i

- 2.1. Pembelian Emas oleh Pelanggan daripada KFH Malaysia di bawah Akaun terlaksana setelah mendebitkan akaun simpanan atau akaun semasa Pelanggan (selepas ini dirujuk sebagai “Akaun yang Ditetapkan”) yang dibuka dan diselenggarakan di KFH Malaysia dan direkodkan dalam slip urus niaga yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan setelah Emas dibeli. Slip Urus niaga menyatakan jumlah pembelian Emas dan baki Akaun.
- 2.2. Penyata Akaun akan dihantar kepada Pelanggan setiap bulan atau tempoh lain yang ditentukan oleh KFH Malaysia atau akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan.
- 2.3. Baki Akaun yang dinyatakan dalam penyata dan slip urus niaga merupakan Emas dalam gram dan mempunyai minimum 995.0 bahagian emas halus bagi setiap 1000 bahagian.
- 2.4. Pelanggan mengaku bahawa dia/mereka mempunyai keupayaan, hak, kuasa dan autoriti sepenuhnya dari segi undang-undang untuk mengikat kontrak bagi pembelian dan penjualan Emas.
- 2.5. Pelanggan mengetahui dan mengaku bahawa pasaran emas cepat berubah dan terdapat kemungkinan bahawa dia/mereka mungkin menanggung kerugian. Pelanggan mengesahkan bahawa keputusan untuk membuka Akaun adalah atas pertimbangan Pelanggan itu sendiri dan/atau berdasarkan nasihat bebas yang diperoleh tanpa bergantung pada apa-apa bahan yang disediakan atau nasihat yang diberikan oleh KFH Malaysia atau wakilnya.
- 2.6. Pelanggan bersetuju bahawa KFH Malaysia tidak mempunyai tanggungjawab atau liabiliti walau apa pun kepada Pelanggan bagi apa-apa penyusutan atau pengurangan nilai Emas tersebut yang dibeli oleh Pelanggan di bawah Akaun. Pelanggan memahami dan dengan ini bersetuju untuk menanggung apa-apa kerugian akibat turun naik harga Emas.
- 2.7. Pembukaan, operasi dan penutupan Akaun adalah sepenuhnya atas budi bicara mutlak KFH Malaysia termasuk hak KFH Malaysia untuk menolak apa-apa permohonan

untuk membuka Akaun, atau untuk menolak apa-apa pembelian Emas, atau untuk membekukan Akaun sepenuhnya atau sebahagianya, atau untuk menolak penerimaan apa-apa jumlah untuk pembukaan akaun tanpa memberikan apa-apa sebab dan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

- 2.8. Pelanggan mestilah mempunyai baki minimum dua (2) gram Emas dalam Akaun pada setiap masa.
- 2.9. Pelanggan berjanji, mengaku dan bersetuju bahawa:-
 - 2.9.1. Semua butiran dan maklumat yang dilengkapkan oleh Pelanggan dalam pesanan belian dan borang pengeluaran/penjualan adalah bukti muktamad pada tarikh dan bagi kuantiti Emas yang dibeli atau dijual oleh Pelanggan.
 - 2.9.2. Jumlah/kuantiti maksimum Emas yang boleh dijual oleh Pelanggan terhad kepada baki sebenar Emas yang terdapat dalam Akaun dan tertakluk kepada kuantiti minimum Emas yang perlu dikenakan seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia dalam Fasal 2.8 di atas.
 - 2.9.3. Tiada Emas fizikal akan diserahkan kepada KFH Malaysia untuk membuka/menyimpan ke dalam Akaun Pelanggan dan KFH Malaysia berhak untuk menolak pelaburan sedemikian.
 - 2.9.4. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan, dan atau apa-apa tanggungjawab atau kewajipan yang tersurat atau tersirat bagi pihak KFH Malaysia, KFH Malaysia berhak untuk tidak menerima apa-apa arahan bagi penjualan atau pembelian Emas dan/atau untuk menetapkan apa-apa harga dalam tempoh ketika KFH Malaysia tidak dapat memperoleh sebut harga bagi harga Emas atas apa jua sebab sekali pun.
 - 2.9.5. Pelanggan bertanggungjawab terhadap segala cukai atau levi perlu dibayar ke atas Akaun atau bagi Emas yang dibeli dan/atau dijual di bawah Akaun (jika ada).
 - 2.9.6. Akaun tidak boleh diserah hak atau dipindah milik, begitu juga Emas dalam Akaun tidak boleh disandarkan atau dicagarkan sebagai cagaran kepada mana-mana pihak selain KFH Malaysia.
 - 2.9.7. Pelanggan hendaklah setelah membuka Akaun, dengan serentak membuka dan menyelenggarakan Akaun yang Ditetapkan untuk tujuan mendebitkan harga belian Emas atau mengkreditkan hasil jualan yang diterima daripada penjualan Emas.
- 2.10. Penyata Akaun Pelanggan akan dihantar setiap bulan atau apa-apa tempoh lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia atau akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan.
- 2.11. Pelanggan diminta untuk memeriksa semua masukan dalam penyata dan melaporkan dengan segera kepada KFH Malaysia tentang apa-apa kesilapan dalam penyata tersebut.
- 2.12. Jika Pelanggan tidak, dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima penyata, membuat bantahan tentang apa-apa masukan dalam penyata, maka

Pelanggan akan disifatkan telah menerima masukan yang dibuat dari tarikh masukan terakhir dalam pernyataan sebagai benar dan betul.

3. Dana, Pengeluaran dan Penutupan Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i

3.1. Pembukaan KFH Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i dan Akaun yang Ditetapkan

- 3.1.1.** Akaun dibuka dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh KFH Malaysia dan tertakluk kepada keperluan KFH Malaysia dan dokumen sokongan yang boleh diterima oleh KFH Malaysia. KFH Malaysia mungkin mengubah keperluan sedemikian pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya dengan memberikan notis kepada Pelanggan.
- 3.1.2.** Semasa pembukaan Akaun, Pelanggan akan, dengan serentak [jika Pelanggan belum membuka apa-apa Akaun yang Ditetapkan dengan KFH Malaysia], membuka dan menyelenggarakan Akaun yang Ditetapkan dengan KFH Malaysia tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Am KFH Malaysia.
- 3.1.3.** Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan KFH Malaysia untuk menghubungkan Akaun dengan Akaun yang Ditetapkan dan membenarkan KFH Malaysia mendebitkan Akaun yang Ditetapkan bagi pembelian dan penjualan Emas atau untuk fi dan/atau bayaran lain yang mungkin dikenakan oleh KFH Malaysia di bawah Akaun.

3.2. Pembelian Emas

- 3.2.1.** Pelanggan boleh, pada bila-bila masa Hari Perniagaan dan dari semasa ke semasa membeli daripada KFH Malaysia apa-apa jumlah Emas dengan menyerahkan Borang Permohonan yang lengkap diisi sewajarnya dan/atau Slip Pengeluaran dan Pemindahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam borang yang ditetapkan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa, kepada KFH Malaysia tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini. Setelah Borang Permohonan Pelanggan atau Slip Pengeluaran dan Pemindahan diterima, mengikut mana-mana yang berkenaan, KFH Malaysia akan dengan serta-merta merekodkan urus niaga pembelian dalam slip urus niaga dan seterusnya dalam pernyataan bulanan yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia, kuantiti Emas yang dibeli dan harga Emas bagi setiap gram pada masa KFH Malaysia menerima Borang Permohonan Pelanggan atau slip urus niaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 3.2.2.** Pembelian permulaan minimum Emas mestilah tidak kurang daripada sepuluh (10) gram Emas untuk pelanggan individu, lima (5) gram Emas untuk Pelanggan Junior atau lima puluh (50) gram Emas untuk pelanggan bukan individu atau kuantiti Emas yang lain seperti yang mungkin ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 3.2.3.** Selepas itu, bagi setiap pembelian Emas seterusnya hendaklah tidak kurang dari satu (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan

satu (1) gram Emas (atau kuantiti berganda minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa).

3.3. Harga Belian

- 3.3.1. Tertakluk kepada Fasal 3.3.2 di bawah, harga belian setiap gram bagi setiap pembelian yang dibuat oleh Pelanggan merupakan harga jualan seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan apabila pesanan belian dibuat. Harga jualan yang ditetapkan akan ditentukan oleh KFH Malaysia menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya, dengan mengambil kira semua faktor yang disifatkan berkaitan oleh KFH Malaysia termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan pada masa ini untuk Emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) dan kehalusan Emas.
- 3.3.2. Harga belian dan jualan Emas pada setiap hari akan dipamerkan semasa waktu perniagaan di cawangan KFH Malaysia melainkan jika keadaan pasaran berubah menjadikan ia tidak praktikal bagi KFH Malaysia untuk memberikan sebut harga atau mempamerkan harga tersebut. Jika harga tidak dipamerkan disebabkan oleh turun naik pasaran atau dalam situasi yang KFH Malaysia hanya dapat menjalankan arahan Pelanggan pada Hari Perniagaan berikutnya, maka harga yang digunakan ialah harga yang ditetapkan oleh KFH Malaysia menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya.
- 3.3.3. Harga belian akan ditetapkan dalam Ringgit Malaysia dan bayaran untuk harga belian boleh dibuat dalam Ringgit Malaysia dan mata wang asing yang lain yang boleh diterima oleh KFH Malaysia.
- 3.3.4. Pelanggan akan membuat pembayaran penuh untuk apa-apa Emas yang dibeli daripada KFH Malaysia dengan membenarkan KFH Malaysia mendebitkan Akaun yang Ditetapkan. Pelanggan bersetuju bahawa KFH Malaysia tidak wajib melaksanakan apa-apa pesanan belian jika wang dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan tidak mencukupi.

3.4. Penjualan Emas

- 3.4.1. Pelanggan boleh mengarahkan KFH Malaysia pada bila-bila Hari Perniagaan untuk menjual Emas yang terdapat dalam Akaun dengan melengkapkan borang pengeluaran/penjualan yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa. Setelah setiap penjualan dibuat, KFH Malaysia akan, dengan serta-merta, merekodkan dalam slip urus niaga dan seterusnya dalam penyata bulanan yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia, kuantiti Emas yang dijual oleh Pelanggan kepada KFH Malaysia.
- 3.4.2. Hasil jualan akan dibayar kepada Pelanggan pada Hari Perniagaan yang sama dengan mengkreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan atau dengan cara lain yang ditentukan oleh KFH Malaysia dan dipersetujui oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.
- 3.4.3. Arahan bertulis Pelanggan kepada KFH Malaysia untuk menjual seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak boleh ditarik balik sebaik sahaja diterima oleh KFH Malaysia dan tidak boleh kurang daripada satu (1) gram Emas (atau

kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan satu (1) gram Emas (atau kuantiti berganda minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa).

- 3.4.4. Pelanggan mengetahui dan akan memastikan bahawa pada bila-bila masa Emas yang terdapat dalam Akaun tidak boleh kurang dari dua (2) gram seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2.8 di atas.
- 3.4.5. Pelanggan akan memastikan bahawa apa-apa arahan jualan adalah terhad kepada kuantiti sebenar Emas dalam Akaun, dengan mengambil kira bahawa baki minimum perlu terdapat dalam Akaun. Jika Emas dalam Akaun tidak mencukupi, maka KFH Malaysia berhak untuk menolak arahan jualan tersebut.
- 3.5. Harga Jualan Tertakluk kepada Fasal 3.3.2 di atas, setiap penjualan Emas yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun oleh Pelanggan kepada KFH Malaysia hendaklah pada harga belian yang ditetapkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan semasa urus niaga pembelian yang berkaitan.

3.6. Permintaan untuk Emas Fizikal

- 3.6.1. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan sentiasa dengan syarat bahawa kuantiti Emas yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun adalah mencukupi, Pelanggan boleh mengeluarkan apa-apa Emas fizikal daripada Akaun dalam denominasi satu (1), lima (5), sepuluh (10), dua puluh (20), lima puluh (50), satu ratus (100) gram atau denominasi lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 3.6.2. Bagi tujuan pengeluaran Emas fizikal daripada Akaun, Pelanggan akan menyerahkan Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal yang telah dilengkapkan dan ditandatangani sewajarnya kepada KFH Malaysia. Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal, sebaik sahaja dikeluarkan oleh Pelanggan, melainkan bagi apa-apa kesilapan nyata, adalah muktamad.
- 3.6.3. Tertakluk kepada Fasal 3.6.1 di atas, Pelanggan boleh memohon pengeluaran Emas fizikal daripada Akaun dari cawangan lain dengan syarat jumlah maksimum pengeluaran adalah tidak melebihi lima puluh (50) gram dalam tempoh tiga (3) bulan.
- 3.6.4. Pelanggan bersetuju bahawa dia/mereka akan mengambil Emas dari cawangan yang ditetapkan oleh KFH Malaysia, pada tarikh Pelanggan menyerahkan borang pengeluaran atau pada masa dan tarikh lain tersebut seperti yang dimaklumkan oleh KFH Malaysia tertakluk kepada terdapatnya Emas.
- 3.6.5. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa semua risiko penyerahan Emas fizikal akan berpindah kepada Pelanggan sebaik sahaja Pelanggan menerima Emas tersebut.
- 3.6.6. Jika Pelanggan gagal atau terlupa menghadirkan diri di cawangan yang ditetapkan oleh KFH Malaysia pada tarikh pengambilan Emas, maka Pelanggan

dan KFH Malaysia bersetuju bahawa KFH Malaysia akan memegang dan menyimpan Emas yang dikeluarkan itu sehingga Pelanggan mengambil Emas fizikal tersebut daripada KFH Malaysia.

3.7. Pembelian Semula Emas Fizikal atau Penyimpanan Semula Emas Fizikal

- 3.7.1. Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini, Pelanggan boleh menjual semula emas kepada KFH Malaysia dan KFH Malaysia boleh membeli semula Emas fizikal yang dikeluarkan dari Akaun pada harga belian yang ditetapkan oleh KFH Malaysia kepada Pelanggan tertakluk kepada Fasal 3.2 di atas dan dengan syarat bahawa:-
 - 3.7.1.1. pembungkusan dan pelekat keselamatan Emas fizikal kekal tidak terjejas; dan
 - 3.7.1.2. nombor bersiri dan kod bar yang tercetak pada bahagian depan pembungkusan mestilah sepadan dengan rekod KFH Malaysia.
- 3.7.2. Jumlah minimum untuk pembelian semula Emas fizikal ialah satu (1) gram.
- 3.7.3. Bagi tujuan Fasal 3.7.1 dan Fasal 3.7.2 di atas, Pelanggan akan menyerahkan Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal yang telah dilengkapkan dan ditandatangani sewajarnya kepada KFH Malaysia. Hasil jualan Emas di bawah Fasal 3.7.1 di atas akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan.
- 3.7.4. Jika Pelanggan ingin menyimpan semula emas fizikal yang dikeluarkan dari Akaun, Fasal 3.7.1, Fasal 3.7.2, Fasal 3.7.3, Fasal 3.2 dan Fasal 3.3 akan diguna pakai. Jumlah minimum Emas fizikal yang disimpan semula tidak boleh kurang daripada satu (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan satu (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa).
- 3.7.5. Jika Pelanggan telah menutup Akaun, maka Pelanggan boleh menjual semula Emas fizikal yang dikeluarkan dari Akaun yang ditutup itu kepada KFH Malaysia dengan syarat pelekat keselamatan Emas yang dicetak timbul/ditandakan itu kekal tidak terjejas dan hasil jualan Emas di atas akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan atau Pelanggan boleh membuka Akaun baru tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.

3.8. Penutupan KFH Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i

- 3.8.1. Akaun akan disifatkan sebagai telah ditutup sebaik sahaja kesemua Emas yang terdapat dalam Akaun dikeluarkan oleh Pelanggan atau menurut undang-undang operasi.
- 3.8.2. Penutupan Akaun menurut Fasal 3.8.1 di atas hendaklah disifatkan sebagai tindakan menamatkan kontrak Qardh dan KFH Malaysia atau Pelanggan tidak mempunyai apa-apa liabiliti terhadap satu sama lain kecuali bagi apa-apa pelanggaran sebelum itu di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

- 3.8.3. KFH Malaysia akan pada bila-bila masa, atas budi bicaranya menghalang Pelanggan daripada mengendalikan Akaun, jika KFH Malaysia mengesyaki bahawa KFH Akaun Emas-i/Akaun Emas Junior-i digunakan untuk apa jua tujuan yang menyalahi undang-undang.